



NCWO

46, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 79453008


Faks : 03 79542881

Email : ncwohq@yahoo.com

www.ncwo.org.my

Hari Wanita ke - 45

“Nur”
~Sehati Sejiwa~
bersama
Merentas
50 tabun
Merdeka



*Majlis Makan Malam NCWO 24 Ogos 2007
Di Perdana Grand Ballroom*



MENJUNJUNG KASIH

Seri Paduka Baginda
Raja Permaisuri Agong
kerana berkenan berangkat menghadiri
Majlis Makan Malam NCWO
sempena Sambutan Hari Wanita 2007



Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
Tuanku Nur Zahirah



Sekapur Sirih

YB Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Sempena Majlis Makan Malam Sambutan Hari Wanita 2007 anjuran NCWO

Assalamualaikum wbt. dan salam mesra.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah swt. kerana di atas limpah kurniaNya dapat kita bersama hadir memeriahkan Majlis Makan Malam sempena Sambutan Hari Wanita 2007 anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang pastinya cukup bererti pada malam ini.

Sambutan Hari Wanita tahun ini amat bermakna kerana kita juga menyambut ulang tahun ke-50 tahun kemerdekaan negara. Tema Hari Wanita tahun ini iaitu 'Wanita : Nadi Negara' amat bertepatan dan sesuai dengan peranan dan sumbangan wanita sejak sebelum merdeka lagi. Ucapan syabas dan tahniah saya rakamkan kepada NCWO dan ahli-ahlinya yang telah bersama Kerajaan mengambil inisiatif untuk menganjurkan sambutan Hari Wanita setiap tahun bermula sejak tahun 1962.

Usaha dan sumbangan berterusan NCWO dan badan-badan gabungannya yang menjangkau 45 tahun terhadap pembangunan wanita amat dihargai. Sememangnya perkongsian bijak di antara Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan telah membawa manfaat yang tidak ternilai kepada kemajuan negara khususnya dalam usaha menjana potensi golongan wanita. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan sentiasa menyokong usaha dan perjuangan NCWO serta ahli-ahli di bawahnya dalam membantu Kerajaan mengupaya dan memartabatkan kedudukan wanita di negara ini.

Selamat Menyambut Hari Wanita buat semua wanita Malaysia!

Salam hormat,

Shahrizat Abdul Jalil

24 Ogos 2007



Sekapur Sirih

YBhg Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Yang Dipertua NCWO

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kita bertemu sekali lagi pada perayaan Hari Wanita Tahun 2007. Tahun ini merupakan kali ke-45 NCWO menyambut Hari Wanita. Sempena negara kita menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan NCWO telah memilih tema, "Nur Sehati Sejiwa, Bersama Merentas 50 Tahun Merdeka." Kita sedar bahawa kemajuan yang kita capai selama kini adalah hasil kerjasama pelbagai pihak. Untuk menuju negara membangun, semua lapisan masyarakat perlu bekerjasama dalam satu pasukan yang mantap. Sejak dari mula NCWO ditubuhkan, kami telah mengamalkan sikap smart partnership dengan semua pihak, khususnya badan-badan gabungan NCWO yang sekarang berjumlah 125 buah bagi seluruh negara.

Walaupun NCWO memberi fokus kepada memartabatkan wanita berbilang kaum tetapi kami juga bekerjasama dengan kaum bapa, kerana tanpa sokongan mereka agak susah bagi kita menjalankan program. Amalan rakan kongsi bijak NCWO merentas jantina, kaum dan agama. Ini merupakan kekuatan NCWO sejak dari mula dilahirkan.

Selain itu, kerjasama dengan pelbagai badan kerajaan dan swasta dan institusi-institusi antarabangsa juga sangat dihargai. Sejak tertubuhnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hubungan erat antara NGO lebih meningkat, terutama di bawah kepimpinan YB Menteri Dato' Seri Shaharizat Abdul Jalil yang merupakan tokoh wanita yang sangat prihatin terhadap isu-isu wanita.

Akhir sekali, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada ahli jawatankuasa Hari Wanita Tahun 2007 yang sekali lagi telah bertungkus lumus sebagai sukarelawan ikhlas.

Salam hormat

Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
24 Ogos, 2007



**WOMEN'S DAY DECLARATION FEDERATION OF MALAYA
on
25 DAY OF AUGUST 1962**

In the Name of God the Beneficent and the Most Merciful,

We, on behalf of all women in the Federation of Malaya, after discussion and agreement, unanimously declare the 25th day of August as Women's Day of the Federation of Malaya.

We, the women of the Federation of Malaya, pledge our undivided loyalty to our country, the Federation of Malaya.

We, the women of the Federation of Malaya, pledge our full loyalty to Their Majesties, The Yang di-Pertuan Agong and The Raja Permaisuri Agong.

We, the women of the Federation of Malaya, will give our utmost service to our nation, the Federation of Malaya.

We, the women of the Federation of Malaya, will strive to improve the standards of society as a whole, spiritually, educationally, morally and physically.

We, the women of the Federation of Malaya, will work towards the achievement of equality and justice in the Political, Economic and social Fields.

We, the women of the Federation of Malaya, will work in co-operation with the men for Peace, Prosperity and Understanding among all races.

We, the women of the Federation of Malaya, will uphold the United Nations Charter of Human Rights.

We, the women of the Federation of Malaya, with complete faith in God Almighty, pledge to give our service for the benefit of Mankind.

In all these things we pledge to do our utmost on behalf of the women of the Federation of Malaya. May God grant us guidance in all our efforts.

AMEN.

Datin Fatimah binti Haji Hashim
(Chairman)

Mrs. F.R. Bhupalan
(Hon. Secretary General)



**PERUTUSAN
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ
PERDANA MENTERI**

Saya sangat sukachita mengetahui betapa besar-nya sambutan yang di-beri kepada chadangan yang di-kemukakan pada awal tahun ini hendak menetapkan suatu hari yang istimewa untok menghormatkan wanita2 Persekutuan Tanah Melayu dan saya menguchapkan tahniah dengan sa-penoh hati kepada Jawatan Kuasa Kerja Hari Wanita kerana mereka-lah yang mula2 membuat chadangan itu dan menjalankan usaha dengan bersunggoh2 mengadakan perayaan ini.

Sa-sunggoh-nya, chadangan hendak menetapkan suatu hari yang istimewa untok memberi pujian kapada kaum wanita negara ini ia-lah satu chadangan yang sangat menggembirakan kerana mereka telah menjalankan peranan yang tinggi mutu-nya dalam usaha mengekalkan keamanan dan kebahagiaan dan menchapai kemajuan serta membina Tanah Melayu yang merdeka.

Saya berasa megah mengatakan bahawa wanita2 Tanah Melayu telah menyambut seruan tanah ayer mereka dengan semangat yang chemerlang. Pengaroh dan jasa2 baik mereka dapat di-lihat dalam segala segi penghidupan Tanah Melayu, dalam lapangan siasah dan musharakat, dalam perkhidmatan2 sukarela dan pertubuhan2 kebajikan, dalam lapangan pelajaran dan perdagangan, kebudayaan dan ugama dan juga dalam lapangan sukan. Mereka mendatangkan kebahagian kapada chara hidup di-negara kita ini dengan sifat2 rumah tangga dan keluarga yang terpuji seperti tekun, ta'tat setia, tegoh hati dan pandai menggunakan fikiran waktu terdesak serta disulami pula dengan kechanteakan dan kebajiksanaan mereka.

Oleh itu sudah sa-patut-nya-lah pada hari yang istimewa ini semua orang Tanah Melayu mengingatkan peranan yang di-jalankan oleh wanita2 kita dalam chara hidup di-negara ini. Kita sukachita memberi mereka penghormatan ini dan menguchapkan terima kaseh atas segala usaha yang telah di-jalankan mereka untok faedah kita dan negara. Bagi pehak semua keluarga dan seluroh negara saya memberi hormat kapada mereka.

**TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ
PERDANA MENTERI.**

Kuala Lumpur
18hb Ogos, 1962

**PERUTUSAN
Y.A.B. TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN AL-HAJ
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

Pada hari yang berbahagia dan bersejarah ini, iaitu pada kali pertama-nya di-peringatkan dan di-akui dengan rasmi-nya di-Negara kita ini Hari Wanita, saya dengan perasaan yang sangat riang dan gembira mengambil kesempatan bersama2 menyambut dan mengalukan hari yang chemerlang ini.

Kerajaan dan pendudok2 Tanah Melayu memang sedar betapa mustahak dan penting-nya peranan yang boleh di-lakukan oleh kaum wanita dalam usaha dan perkhidmatan membentuk bangsa dan Negara kita yang muda dan baharu sahaja merdeka ini. Oleh sebab memandangkan betapa tinggi dan mustahak-nya sumbangan yang boleh di-beri oleh kaum wanita kita, saya berasa sangat bangga dan megah di-sebabkan dapat di-tentukan suatu hari perayaan bagi wanita di-seluroh Tanah Melayu ini, dan saya harap Hari Wanita ini akan menjadi simbol untok memberi galakan dan kemajuan2 yang berlebeh2 lagi kepada kaum wanita kita di-masa yang kahadapan.

Dalam lapangan pembangunan Negara juga peranan kaum wanita kita sama juga dengan kaum laki2 bagi membaiki taraf hidup bangsa kita. Oleh itu saya berharap pada masa yang akan datang ini kaum wanita kita akan di-beri peluang yang lebeh besar dan luas lagi untok menchurahkan usaha dan tenaga mereka itu bagi memajukan bangsa dan Negara kita. Dalam Negara yang muda saperti ini mustahak-lah kita semua mempunyai semangat yang kuat bagi membaiki keadaan hidup kita. Hanya-lah dengan ada-nya semangat yang semacham itu dan perasaan suka berkahendakkan kemajuan, baharu-lah kita boleh mendapat kemajuan2 dan perubahan2 nasib yang kita chitakan itu.

Dengan yang demikian saya berdo'a mogak2 Hari Wanita ini satusnya menjadi suatu hari yang chemerlang di-sisi bangsa dan mogak2 maju-lah kaum wanita "Tiang Negara Kita".


**TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSAIN AL-HAJ
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

Kuala Lumpur

8hb. Ogos, 1962



1962
HARI WANITA YANG PERTAMA



.....beta berharap perhimpunan ini akan berjalan dengan jayanya, dan akan dapat menanamkan lebih dalam lagi rasa tanggungjawab dalam pada tiap2 orang wanita kita, supaya bekerja dengan giat dan penuh keikhlasan terhadap masyarakat, Bangsa dan negara, bagi mencapai chita2 kita untuk membina satu Bangsa yang lebih besar dan Masyarakat yang aman ma'amor.

Titah
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong
1962



**PINGAT EMAS TUN FATIMAH NCWO PERTAMA KALI
DIANUGERAHKAN PADA TAHUN 1974**



YMM Tengku Besar Kurshiah ibni
Almarhum Tengku Besar Burhanuddin



YBhg Puan Goh Kwee Teng




YABhg Tun Sharifah
Rodziah bt Syed Alwi
Barakkah



YBhg Puan E.
Ramachandran



PENERIMA PINGAT EMAS TUN FATIMAH NCWO



1977: YBhg Sister A. Mangalam



1977: YABhg Tob Puan Hajjah Rabah
bt Tan Sri Hj Mohd Noah



1977: YBhg Dr. Soo Kim Lan



1982: YABhg Tob Puan Subailah bt
Tan Sri Hj Mohd Noah



1982: YBhg Datin Kamsiah Ibrahim



1982: YBhg Senator Puan Sri Datin
Athi Nahappan



PENERIMA PINGAT EMAS TUN FATIMAH NCWO



1985: YBhg Toh Puan Datuk Hajah Rahimah Stephens



1985: YBhg Datin Amar Rogayah bt Abd Majid



1988: YBhg Puan Sri Rosalind Y.C. Foo



1988: YBhg Prof. Puan Sri Datin Dr Fatimah Hamid Don




1991: YBhg Tan Sri (Dr) Fatimah bt Hj Hashim



1991: YABhg Toh Puan Uma Sambanthan



PENERIMA PINGAT EMAS TUN FATIMAH NCWO



2003: YBhg Tan Sri Zaleha Ismail




2003: YBhg Puan FR Bhupalan

PENERIMA PINGAT EMAS TUN FATIMAH NCWO



2004: YABhg Datin Seri Endon Mahmood



2005: YB Dato' Seri Shahrizat Abd Jalil



PERTANDINGAN GOLF AMAL NCWO



2007: SPB Yang di-Pertuan Agong memotong kek Hari Keputeraan Baginda di majlis penyampaian hadiah sambil diperhatikan oleh SPB Raja Permaisuri Agong dan Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah.



2004: YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menyampaikan hadiah kepada pemenang



2006: YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak dan YABhg Datin Seri Rosmah Mansor bersama Ahli Jawatankuasa



MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN- PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA (NCWO)

Pendahuluhan

Status wanita Malaysia pada hari ini jauh bezanya daripada status ibu dan kakak mereka pada zaman sebelum merdeka. Bukan sahaja wanita telah menerokai berbagai-bagai bidang, iaitu pendidikan, sosial, politik dan ekonomi, yang pada suatu ketika dahulu tertutup bagi mereka, tetapi kini mereka membuktikan kebolehan dan kesanggupan dalam bidang-bidang ini. Malah mereka juga telah menyumbang dalam badan-badan membuat dasar serta mencorakkan masa depan negara. Lebih bermakna lagi, wanita Malaysia telah berjaya mempengaruhi dan menempah kesan mereka dalam lapangan antarabangsa.

NCWO telah wujud selama empat puluh empat tahun, setelah ditubuhkan pada 25 haribulan Ogos 1963.

Sepanjang usia empat dekad itu, NCWO menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan tetapi terus berkembang maju. Pada masa ini keanggotaannya berjumlah 125 buah persatuan gabungan. Persatuan-persatuan ini memperlihatkan pelbagai tujuan dan kegiatan, tetapi mereka berkongsi matlamat yang sama, iaitu berjuang untuk kemajuan wanita dan negara dan berusaha ke arah memperkemas kini undang-undang dan dasar negara demi mempertingkatkan status dan taraf kaum wanita seluruhnya.

Dengan bertambah keanggotaannya, NCWO membuktikan bahawa masyarakat semakin sedar dan peka akan peranannya dan mempunyai kepercayaan tentang kebolehan dan keberkesanannya mempengaruhi perubahan-perubahan dalam masyarakat.



Tujuan dan Tugas

NCWO tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, agama atau kaum tetapi merupakan sebuah badan bukan Kerajaan (NGO) yang bertindak selaku perunding dan penasihat kerajaan mengenai hal ehwal wanita. NCWO tidak campur tangan dalam hal-hal dalaman badan-badan gabungannya, sebaliknya menumpukan perhatian kepada isu-isu umum dan mengemukakan pendapat yang berasas, bernas dan sepadu bagi menangani isu-isu penting.

Tujuan mempertingkatkan status atau taraf wanita dan membantu memperbaiki kebijakan wanita dan kanak-kanak dianggap penting demi pembangunan negara amnya. Wanita merupakan sumber modal insan dalam semua bidang untuk menjadi negara terbilang.

Kesaksamaan dan perkongsian wanita dalam pembangunan diiktiraf sebagai punca asas bagi menjamin status wanita dan NCWO menumpukan perhatian sepenuhnya bagi menghayati tujuan ini.

Bagi mencapai tujuannya, NCWO menumpukan perhatian kepada berikut:

- Reformasi undang-undang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak;
- Peningkatan taraf wanita dari segi undang-undang, politik, sosial, ekonomi, moral dan pendidikan;
- Penggalakan penyertaan wanita, secara bijak dan bermaklumat, dalam usaha membangunkan negara;
- Peningkatan aktiviti kebudayaan wanita;
- Penjaringan dan kerjasama bijak dengan badan-badan antarabangsa yang mempunyai tujuan dan matlamat yang sama;
- Pencetakan, penerbitan serta pengedaran maklumat yang berguna mengenai wanita;
- Penubuhan tabung kewangan dan pentadbiran perbelanjaan bagi menjayakan tujuan NCWO; dan
- Advokasi dasar dan tindakan berdasarkan hasil penemuan serta pendapat persidangan dan penyelidikan yang sewajarnya.



Kejayaan NCWO

Sepanjang usianya, NCWO telah menangani banyak isu, bukan sahaja yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak, malah yang berkaitan dengan masyarakat keseluruhannya. Wanita luar bandar, sistem pendidikan, alam sekitar, perpaduan rakyat, keganasan rumah-tangga, AIDS, pengaruh filem lucu, penagihan dadah, peningkatan kesedaran kesihatan - inilah di antara bidang-bidang yang terus ditumpukan perhatian oleh NCWO.

Kemaraan wanita menempuh abad ke-21 diberi haluan yang tegas dengan adanya Dasar Wanita Negara, Dasar Baharu Pembangunan Negara, dan Wawasan 2020. Kesemua ini bertujuan mencapai sebuah negara Malaysia bersepadu, sebuah negara yang maju, aman, makmur, dengan peluang serta kebahagiaan untuk semua, baik lelaki, wanita, belia ataupun kanak-kanak.

NCWO berpegang kuat kepada hakikat bahawa oleh sebab wanita merupakan separuh daripada sumber tenaga manusia negara, maka wajarlah diperjuangkan perkongsian kuasa seimbang dan penyertaan wanita yang sewajarnya dalam badan-badan membentuk dasar agar tercapai 30 % wanita di peringkat membuat keputusan. Wanita mestilah diintegrasikan dalam Pelan Pembangunan Negara, untuk kemajuan dalam erti kata sebenarnya dicapai.

Iltizam mestilah diterjemahkan kepada tindakan, bukan sahaja perkongsian kuasa yang seimbang tetapi termasuk juga melaburkan potensi wanita, memindah kepakaran kepada wanita, mengagihkan sumber-sumber, memberi peruntukan belanjawan, mengamalkan peka gender, mengukuhkan jentera dan jalinan antara agensi-agensi pembangunan dan mekanisme memperoleh maklum balas.

Dengan bangganya NCWO berikrar untuk terus bekerjasama dengan Kerajaan, dengan iltizam dan dedikasi bagi mewujudkan negara yang terbilang dan wanita yang cemerlang dan gemilang.



Wanita Merentas 50 Tahun Merdeka

Berdirilah di pantai laut hidup
lihat cahaya berkilau-kilau, memukau
itulah nur rohani yang cemerlang
sejak sekian lama turut mengangkat sauh
negarawan terhormat untuk berlayar jauh
dalam bahtera pertiwi menuju destinasi.

Berjalanlah di padang luas, berduri
lihat nur rohani memimpin generasi muda
melangkah penuh hati-hati dan bijaksana
dengan gaya dan wajah sendiri.

Berdirilah di kaki gunung ujian
lihat, nur rohani membawa
anak-anak Malaysia mendaki
gagah, menuju puncak wawasan.

Layangkan pandangan ke Bima Sakti
lihat nur rohani bercantum dalam
nebula rossete yang mekar, memanggil
kita memunggah khazanah cakerawala.

Nur rohani yang cemerlang, gemilang
bernyala dalam tiap jiwa wanita Malaysia
hingga mengepak dan terbang menjadi
NCWO, NACIWID, sukarelawan
mengangkat martabat wanita agar lahir
lebih ramai cendekiawan, pemimpin ulung,
usahawan, seniman, sasterawan, budayawan
berkhidmat untuk masyarakat dan negara
tangan-tangan wanita yang menghimpun doa
memohon restu Ilahi, tangan-tangan itu juga
memberi tenaga kerja, mendidik generasi.

Bagai lilin, wanita terus berbakti, berkorban
menerangi kehidupan, menyinari kegelapan
nur rohani dari kalbu setiap wanita bumi ini
bersama 50 tahun merdeka terus bersinar
menembus zaman, tidak mungkin padam
ayuh! wanita sederap langkah, bersama
seikat maufakat, dengan satu hala tuju
terus kibarkan bendera merdeka
terus sebarkan cahaya demi negara.

Oleh Siti Zaleha M. Hashim

24 Ogos 2007.